



PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN NEGERI PERLIS
KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA

Tawaran adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat tempatan yang berdaftar dengan : Kementerian Kewangan Malaysia di bawah **Kod Bidang 210105 – Telecommunication / Networking-Supply Product, Infrastructure, Services Including Maintenance (LAN / WAN / Internet / Wireless / Satellite)** dan **210107 - ICT Security and Firewall, Encryption, PKI, Anti-Virus** yang mana tempoh pendaftarannya masih lagi berkuatkuasa bagi menyertai sebut harga berikut :

Tajuk Sebut Harga / No. Sebut Harga	Kod Bidang Pendaftaran	Tarikh Tutup	Tarikh Lawatan Tapak	Kaedah Perolehan
Tajuk sebut Harga : SEBUT HARGA MENAIKTARAF RANGKAIAN KAWASAN SETEMPAT (LAN) DI PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN NEGERI PERLIS No. Sebut Harga : PPTGPs.400-5/6/8(S)	<i>210105 – Telecommunication / Networking-Supply Product, Infrastructure, Service Including Maintenance (LAN / WAN / Internet / Wireless / Satellite)</i> <i>210107 – ICT Security and Firewall, Encryption, PKI, Anti-Virus</i>	24 Jun 2025 (Selasa) sebelum jam 12.00 tengah hari. Tawaran yang dihantar selepas jam 12.00 tengah hari pada tarikh tutup sebut harga tidak akan dipertimbangkan.	13 Jun 2025 (Jumaat); Jam 10.00 Pagi	Borang Sebut Harga (Boleh diperolehi semasa lawatan tapak). Kehadiran adalah DIWAJIBKAN .

Borang sebut harga boleh didapati secara **PERCUMA** dan diedarkan semasa lawatan tapak pada **13 Jun 2025 (Jumaat)** di Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Negeri Perlis, Jalan Penjara, 01000 Kangar, Perlis. Sila bawa dan sertakan bersama cop rasmi syarikat, sesalinan Sijil Pendaftaran Syarikat (SSM), Sijil Pendaftaran Kementerian Kewangan, dan Sijil Bumiputera (sekiranya berkaitan). Penyebut harga adalah **DIWAJIBKAN** menghadiri sesi lawatan tapak dan memahami syarat-syarat sebut harga sebelum menyertainya.

Tawaran sebut harga yang lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam **Dua (2) sampul surat** yang berasingan dan **belakri / seal** bagi **Sampul Tawaran Kewangan** dan **Sampul Dokumen Cadangan Teknikal** dan ditulis **PPTGPs.400-5/6/8(S)()** di sebelah kiri atas sampul dan ditengahnya ditulis Tajuk Sebut Harga dimasukkan ke dalam **Peti Tawaran** di Unit Khidmat Pengurusan Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Negeri Perlis, Jalan Penjara, 01000 Kangar, Perlis.

Tawaran sebut harga hendaklah dihantar sebelum jam **12.00 tengah hari, 24 Jun 2025 (Selasa)**. Tawaran yang **LEWAT DIKEMUKAKAN** tidak akan dipertimbangkan.

Penyebut harga yang memerlukan penjelasan lanjut hendaklah menghubungi pegawai-pegawai berikut :

Urusetia sebut harga :

En. Mohd Zukhairi bin Hashim : 04-9765501

(zukhairi@perlis.gov.my)

Pn. Suriyana binti Ramli : 04-9765501

(suriyana@ptgps.gov.my)

